

LAPORAN TAHUNAN | ASNB



ASM 3

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2020

ISI KANDUNGAN

1. MAKLUMAT TABUNG	1
2. PRESTASI TABUNG	3
3. LAPORAN PENGURUS	7
4. PENYATA PENGURUS	13
5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH	14
6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASM 3	15
7. PENYATA KEWANGAN	17
7.1 Penyata Untung Atau Rugi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2020	17
7.2 Penyata Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2020	18
7.3 Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2020	19
7.4 Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan – 30 September 2020	20
8. ALAMAT CAWANGAN ASNB	31

**LAPORAN PENGURUS
AMANAH SAHAM MALAYSIA 3,
"ASM 3"**



ASM 3

Pemegang-pemegang unit ASM 3 yang dihormati,

AmanahRaya Trustees Berhad (ART) selaku Pemegang Amanah dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) selaku Pengurus ASM 3 dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan ASM 3 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020.

1. MAKLUMAT TABUNG

1.1 KATEGORI / JENIS TABUNG

Nama Tabung	Kategori	Jenis Tabung
Amanah Saham Malaysia 3, "ASM 3"	Aset Campuran	Pendapatan

1.2 OBJEKTIF PELABURAN TABUNG

Objektif pelaburan ASM 3 adalah untuk mendapatkan peluang pelaburan yang menjana pendapatan yang konsisten dan berterusan di samping mengekalkan modal pelaburan para pemegang unit di dalam tempoh jangka panjang melalui portfolio pelaburan yang dipelbagaikan.

Nota: ASM 3 bukan dana modal terjamin mahupun modal terlindung mengikut definisi Garispanduan Unit Amanah.

1.3 PENANDA ARAS TABUNG

ASM 3 menggunakan penanda aras Kadar Deposit Tetap Maybank 12 bulan ("Maybank 12 bulan") bagi tujuan perbandingan prestasinya.

Sumber: www.maybank2u.com.my

1.4 POLISI PENGAGIHAN PENDAPATAN

ASM 3 akan mengagihkan perolehan daripada pendapatannya, jika ada, tertakluk kepada budi bicara pihak pengurusan dan kelulusan daripada pemegang amanah.

1.5 PEGANGAN UNIT

Pada 30 September 2020, seramai 513,720 individu telah menyertai ASM 3. Saiz pegangan unit adalah seperti berikut:

Saiz Pegangan	Pemegang Unit		Unit Dilanggan	
	Bilangan	%	Unit	%
5,000 dan ke bawah	322,318	62.74	257,434,651.02	1.81
5,001 hingga 10,000	40,309	7.85	291,025,066.22	2.04
10,001 hingga 50,000	102,335	19.92	2,451,582,889.01	17.19
50,001 hingga 500,000	45,558	8.87	5,874,293,944.24	41.20
500,001 dan ke atas	3,200	0.62	5,383,651,203.29	37.76
JUMLAH	513,720	100.00	14,257,987,753.78	100.00

2. PRESTASI TABUNG

2.1 PERUMPUKAN ASET

A. Perumpukan Aset Bagi ASM 3 Mengikut Sektor pada Nilai Pasaran Berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Tabung:

Sektor	Pada Tahun Kewangan Berakhir 30 September (%)		
	2020	2019	2018
Pelaburan di Pasaran Ekuiti:			
Perkhidmatan Komunikasi	9.80	10.68	10.67
Barangan Bukan Asasi	8.07	5.02	1.77
Barangan Asasi	9.45	7.43	7.34
Tenaga	2.60	3.81	1.81
Kewangan	16.37	19.23	21.37
Penjagaan Kesihatan	5.47	3.51	2.26
Industri	8.64	9.51	8.33
Bahan Asas	0.93	1.64	1.50
Hartanah	7.03	5.63	6.74
Teknologi Maklumat	4.61	1.55	-
Utiliti	9.71	10.33	11.71
Perdagangan dan Pembuatan	-	3.67	-
Jumlah	82.68	82.01	73.50
Lain-lain Pelaburan di Pasaran Modal:			
a) Pelaburan di dalam Unit Amanah	0.18	0.17	0.19
b) Sekuriti Berpendapatan Tetap	9.85	9.13	10.99
c) Lain-lain Pelaburan dan Aset Bersih	7.29 ¹	8.69	15.32
Jumlah	100.00	100.00	100.00

Nota : 1. Termasuk deposit dan tunai dengan institusi kewangan (12.01%) dan akaun belum terima (0.54%) selepas ditolak akaun belum bayar (-5.26%).

- B. Senarai 20 Pelaburan Terbesar dari segi Peratusan Nilai Pasaran Berbanding dengan NAB Tabung:

Bil.	Syarikat	% Daripada Nilai Aset Bersih Tabung
1.	Malayan Banking Berhad	7.74
2.	Petronas Gas Berhad	4.77
3.	Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Berhad	4.20
4.	Sime Darby Plantation Berhad	3.81
5.	Tenaga Nasional Berhad	3.66
6.	Axiata Group Berhad	2.39
7.	Telekom Malaysia Berhad	2.35
8.	CIMB Group Holdings Berhad	2.21
9.	Digi.Com Berhad	2.07
10.	Kuala Lumpur Kepong Berhad	1.97
11.	MISC Berhad	1.96
12.	Maxis Berhad	1.90
13.	IHH Healthcare Berhad	1.89
14.	Gamuda Berhad	1.76
15.	RHB Bank Berhad	1.52
16.	Public Bank Berhad	1.42
17.	KLCC Property Holdings Berhad	1.33
18.	Sime Darby Berhad	1.33
19.	IOI Corporation Berhad	1.30
20.	IJM Corporation Berhad	1.28

Nota : Bagi perkara (B) di atas, senarai lengkap pelaburan akan disediakan atas permintaan pemegang unit.

2.2 MAKLUMAT KEWANGAN

Perbandingan Prestasi Maklumat Kewangan Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun:

Selepas Pengagihan Pendapatan	Tahun Kewangan Berakhir 30 September		
	2020	2019	2018
Unit Dalam Edaran (Juta)	14,314	13,692	12,763
Kadar Pengagihan Pendapatan (sen seunit)	4.00	5.00	6.00
Jumlah Pengagihan (RM Juta)	567.79	670.48	749.62
Tarikh Pengagihan Pendapatan	1 Oktober	1 Oktober	1 Oktober
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (%) ¹	1.13	1.16	1.16
Nisbah Pusing Ganti Portfolio (kali) ²	0.39	0.55	0.55

Nota:

1. Nisbah Perbelanjaan Pengurusan (NPP) adalah nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan ASM 3 yang dikembalikan dengan purata NAB pada kos ASM 3 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Perubahan antara NPP pada tahun kewangan berakhir 30 September 2020 berbanding tahun sebelumnya adalah tidak ketara.
2. Nisbah Pusing Ganti Portfolio (NPGP) adalah nisbah purata bagi jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan dalam tahun kewangan dengan purata NAB pada kos ASM 3 untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian. Penurunan ketara NPGP pada tahun kewangan berakhir 30 September 2020 berbanding tahun kewangan sebelumnya adalah disebabkan oleh pengurangan aktiviti jual-beli berikutan kelemahan pasaran saham semasa tahun kewangan berakhir 30 September 2020.

2.3 PENGAGIHAN PENDAPATAN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020, ASM 3 telah memperuntukkan sejumlah RM567,793,214 untuk pembayaran pengagihan pendapatan bersamaan dengan 4.00 sen seunit.

2.4 PURATA PULANGAN TAHUNAN

Purata pulangan tahunan bagi ASM 3 adalah seperti berikut:

	Pada 30 September 2020		
	1 tahun	3 tahun	5 tahun
Jumlah Purata Pulangan (%) ¹	4.00	5.00	5.42
Penanda Aras (%) ²	2.50	3.09	3.28

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Pengiraan Jumlah Purata Pulangan adalah seperti berikut:-
 - (a) Pulangan 1 tahun = i_t
Di mana, i = pengagihan pendapatan ; t = tahun semasa
 - (b) Pulangan 3 tahun = $\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2}}{3}$
 - (c) Pulangan 5 tahun = $\frac{i_t + i_{t-1} + i_{t-2} + i_{t-3} + i_{t-4}}{5}$
2. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras yang terbaharu.

2.5 PERBANDINGAN PRESTASI TABUNG DENGAN PENANDA ARAS

Prestasi bagi ASM 3 berbanding penanda aras adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 30 September				
	2020	2019	2018	2017	2016
Jumlah Pulangan Tahunan (%) ¹	4.00	5.00	6.00	6.00	6.10
Penanda Aras (%) ²	2.50	3.25	3.52	3.52	3.61

Sumber: Novagni Analytics and Advisory Sdn. Bhd.

Nota:

1. Merupakan pengagihan pendapatan bagi tahun tersebut.
2. Pengiraan bagi penanda aras telah diselaraskan berdasarkan penanda aras yang terbaharu.

Sila ambil perhatian bahawa Pengurus tidak menjamin pulangan pelaburan. Pengagihan pendapatan jika dibayar mungkin turun atau naik. Prestasi tabung masa lalu tidak semestinya mencerminkan prestasi masa hadapan.

2.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN TABUNG

Tiada perubahan signifikan sepanjang tahun kewangan berakhir 30 September 2020.

2.7 SITUASI YANG MENJEJASKAN KEPENTINGAN PEMEGANG UNIT

ASNB dan ASM 3 tidak mengalami situasi-situasi yang boleh menjejaskan kepentingan pemegang unit.

2.8 DAGANGAN SILANG

Sepanjang dalam tempoh tinjauan, transaksi dagangan silang dijalankan bagi ASM 3. Transaksi tersebut dijalankan tertakluk kepada Garispanduan bagi Fungsi Pematuhan kepada Institusi Pengurusan Dana "Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies". Pengurus Pelaburan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan sebelum melakukan transaksi dagangan silang dan menyimpan rekod transaksi serta memaklumkan Jawatankuasa Pelaburan selepas pelaksanaan transaksi tersebut.

2.9 KOMISEN RINGAN

ASNB dan Pengurus Pelaburan tabung unit amanahnya tidak menerima komisen ringan daripada broker dan/atau wakil urusniaga yang dikendalikan untuk unit amanah.

3. LAPORAN PENGURUS

3.1 PENCAPAIAN OBJEKTIF

Bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020, prestasi ASM 3 adalah selaras dengan objektif pelaburannya di mana ASM 3 telah berupaya menjana pulangan dan pertumbuhan pelaburan jangka panjang yang berpatutan kepada pemegang unit.

3.2 POLISI PELABURAN

Polisi pelaburan ASM 3 adalah untuk melabur dalam portfolio pelaburan yang dipelbagaikan terutamanya ekuiti yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sekuriti tidak disenaraikan, instrumen berpendapatan tetap, instrumen pasaran wang, pelaburan kolektif dan lain-lain instrumen pasaran modal, seperti yang tertakluk dalam Surat Ikatan ASM 3. ASM 3 boleh melaburkan sehingga 90% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) pada kos dalam ekuiti dan selebihnya di dalam lain-lain instrumen pasaran modal. Walau bagaimanapun, ASM 3 boleh mengambil strategi pelaburan yang bersesuaian mengikut keadaan semasa ekonomi global dan tempatan, prestasi pasaran saham dan juga kadar faedah.

3.3 STRATEGI PELABURAN SEPANJANG TAHUN

Bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020, strategi pelaburan ASM 3 telah dilaksanakan dengan mengambil kira prestasi pasaran saham domestik dan global yang sangat mencabar. Ini disebabkan oleh beberapa faktor, terutamanya penularan wabak COVID-19 yang memberi impak negatif terhadap rangkaian sektor perniagaan, serta faktor-faktor luaran lain seperti ketidaktentuan polisi ekonomi dan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, dan kejatuhan mendadak harga minyak mentah. Sehubungan dengan itu, strategi pelaburan ASM 3 telah dilaksanakan dengan perumpukan aset antara ekuiti domestik dan antarabangsa, sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang yang difikirkan wajar dan mampu memberi pulangan yang kompetitif bagi memastikan objektif ASM 3 tercapai.

i. Ekuiti

Tumpuan lebih diberikan kepada aset ekuiti berbanding kelas-kelas aset yang lain untuk menjana pendapatan dalam bentuk pulangan modal dan juga dividen, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Pelaburan ASM 3 dalam ekuiti telah ditumpukan kepada sektor-sektor dan saham-saham syarikat yang mempunyai kekuatan asas yang kukuh dan prospek perniagaan yang cerah dan juga kurang dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi. Pada masa yang sama, pelaburan ekuiti juga memberi penekanan pada sektor-sektor dan saham-saham yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif dan konsisten.

a. Domestik

Bagi ekuiti domestik, Pengurus ASM 3 mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran turun naik untuk menjana pulangan. Antara sektor- sektor yang diberi tumpuan adalah sektor penggunaan, utiliti dan kesihatan terutamanya sektor pembuatan sarung tangan getah. Sektor-sektor ini adalah antara yang kekal stabil dan menerima impak positif akibat kesan penularan wabak COVID-19. Pada masa yang sama, pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham domestik yang mempunyai pulangan dividen yang kompetitif seperti sektor Dana Pelaburan Hartanah (REIT) turut diberi penekanan. Pelaburan di dalam sektor-sektor dan saham-saham tersebut telah membantu ASM 3 menjana pendapatan terutamanya melalui pendapatan dividen.

b. Antarabangsa

Bagi mempelbagaikan aset di dalam portfolio, ASM 3 turut melabur di dalam ekuiti antarabangsa yang mempunyai kecairan dan berpotensi memberikan pulangan yang lebih tinggi berbanding ekuiti domestik. Pelaburan di pasaran antarabangsa dipelbagaikan ke dalam beberapa pasaran utama dunia seperti di pasaran saham Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan juga Asia. Pelaburan antarabangsa tertumpu kepada sektor-sektor seperti teknologi maklumat, barangan asasi pengguna dan penjagaan kesihatan yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik.

ii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

ASM 3 telah membuat pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dengan perolehan yang bersesuaian dengan ciri-ciri sekuriti pendapatan tetap iaitu pulangan yang stabil dengan risiko yang lebih rendah berbanding ekuiti. Pembelian sekuriti berpendapatan tetap yang dilakukan adalah daripada terbitan yang mempunyai purata kadar hasil yang lebih tinggi daripada kadar hasil pasaran kewangan.

ASM 3 juga turut melabur di dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia iaitu Government Investment Issues (GII) dan Malaysia Government Securities (MGS) di mana pulangannya terdiri daripada kupon dan juga keuntungan modal di samping mempunyai kecairan yang tinggi berbanding bon korporat. Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah alternatif yang baik kerana diterbitkan oleh Kerajaan Malaysia yang secara amnya dianggap bebas daripada risiko kredit dan mampu menjana pulangan yang lebih tinggi berbanding pelaburan pasaran wang.

Pelaburan juga dibuat dalam pasaran wang untuk membolehkan ASM 3 memiliki kecairan yang mencukupi bagi memudahkan pergerakan portfolio pelaburan antara pasaran saham tempatan, antarabangsa dan lain-lain instrumen pasaran modal pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

3.4 ULASAN EKONOMI DAN PASARAN SAHAM

Bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020, pasaran saham antarabangsa telah mengalami peningkatan ketidaktentuan pergerakan pasaran, terutamanya pada separuh pertama tahun kewangan berikutan penularan wabak COVID-19 dan kejatuhan mendadak harga minyak mentah akibat kegagalan perjanjian antara Pertubuhan Negara-Negara Pengekspor Petroleum (OPEC) dengan Rusia dan juga disebabkan oleh permintaan global yang lebih rendah. Sejajar dengan itu, indeks komposit utama antarabangsa telah mencatatkan penurunan yang ketara pada enam bulan pertama berakhir 31 Mac 2020 dengan prestasi terendah dicatatkan oleh United Kingdom (FTSE 100) dengan kejatuhan sebanyak -23.4%, diikuti oleh Kesatuan Eropah (Euro Stoxx 50) sebanyak -21.9%, Amerika Syarikat (S&P500) sebanyak -13.2%, Jepun (Nikkei 225) sebanyak -11.5% dan China (SHCOMP) sebanyak -4.7%. Indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN juga mengalami penurunan yang mendadak dengan prestasi terendah dicatatkan oleh Filipina (PSEI, -31.6%), diikuti oleh Thailand (SET, -31.2%), Indonesia (JCI, -26.4%), Singapura (STI, -20.5%) dan Malaysia (FTSE Bursa Malaysia KLCI, FBM KLCI, -14.7%).

Walau bagaimanapun, kebanyakan pasaran antarabangsa telah pulih dan mencatatkan peningkatan pada enam bulan kedua tahun kewangan, dengan prestasi indeks tertinggi pasaran saham utama dicatatkan oleh Amerika Syarikat sebanyak +30.1%, China sebanyak +29.0%, Jepun sebanyak +22.6% dan Kesatuan Eropah sebanyak +14.6%. Manakala indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN juga telah mencatatkan peningkatan didahului oleh Malaysia sebanyak +11.4%, diikuti oleh Filipina +10.2%, Thailand +9.9%, Indonesia +7.2% dan Singapura +0.6%. Pemulihan pasaran saham tempatan pada separuh kedua tahun kewangan didorong oleh penyertaan pelabur tempatan, terutama kemunculan semula pelabur runcit yang telah menyokong kestabilan pasaran saham tempatan meskipun berdepan pengaliran keluar dana asing.

Bagi keseluruhan tahun kewangan berakhir 30 September 2020, prestasi indeks pasaran saham utama yang tertinggi dicatatkan oleh Amerika Syarikat sebanyak +13.0%, diikuti oleh China sebanyak +10.8%, Jepun sebanyak +6.6% dan Kesatuan Eropah sebanyak -10.3%. Manakala indeks pasaran saham utama di rantau ASEAN pula telah mencatatkan penurunan didahului oleh Filipina (-24.6%), Thailand (-24.4%), Indonesia (-21.0%) dan Singapura (-21.0%).

Bagi keseluruhan tahun kewangan berakhir 30 September 2020, penanda aras utama pasaran tempatan iaitu indeks FBM KLCI telah mencatatkan penurunan sebanyak -5.0% untuk ditutup pada 1,504.82 mata. Antara sektor-sektor yang terjejas teruk adalah sektor tenaga dan sektor pembinaan yang telah menunjukkan penurunan paling ketara masing-masing sebanyak -34.6% dan -21.0%, berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan penurunan harga minyak mentah. Antara saham-saham FBM KLCI yang telah mencatatkan penurunan ketara adalah Genting Berhad (-40.8%), CIMB Group Holdings Berhad (-34.8%) dan Malaysia Airports Holdings Berhad (-33.5%). Walau bagaimanapun, sektor kesihatan telah mencatatkan pertumbuhan positif tertinggi iaitu sebanyak +195.1%, didorong oleh peningkatan permintaan sarung tangan manakala sektor teknologi meningkat sebanyak +58.0% disebabkan peningkatan penggunaan teknologi maklumat dalam norma baharu. Antara saham-

saham FBM KLCI yang telah mencatatkan peningkatan positif dalam tempoh tinjauan adalah Top Glove Corporation Berhad (+453.4%), Hartalega Holdings Berhad (+211.0%) dan Telekom Malaysia Berhad (+7.4%).

Dalam tempoh tinjauan, mata wang Ringgit Malaysia telah didagangkan pada paras tertinggi iaitu RM4.0547/USD pada 17 Januari 2020, manakala paras terendah iaitu RM4.4470/USD pada 23 Mac 2020. Penyusutan nilai mata wang Ringgit Malaysia bagi enam bulan pertama tahun kewangan mencerminkan sentimen pelabur yang berhati-hati dalam pasaran kewangan global berikutan prospek pertumbuhan global yang bertambah lemah dan juga didorong oleh pengeluaran dana oleh pelabur-pelabur asing berikutan kebimbangan kesan penularan wabak COVID-19 serta penurunan harga minyak mentah yang mendadak sebanyak -62.6% daripada USD60.78 setong pada 30 September 2019 kepada USD22.74 setong pada 31 Mac 2020.

Walau bagaimanapun, nilai Ringgit Malaysia kembali melonjak berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) didokong oleh peningkatan harga minyak mentah global sebanyak +80.1% kepada USD40.95 setong dan juga perkembangan positif dalam langkah membendung COVID-19 pada separuh kedua tahun kewangan. Pelonggaran dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana hampir semua sektor dan aktiviti ekonomi termasuk perkilangan dibenarkan beroperasi turut memberi kesan positif terhadap keyakinan pelabur. Aliran masuk pelabur asing didorong persekitaran kadar faedah global yang rendah dan juga keyakinan baru terhadap pemulihan ekonomi global menyaksikan Ringgit Malaysia ditutup pada paras RM4.1565/USD pada 30 September 2020, iaitu peningkatan sebanyak 0.8% berbanding RM4.1877/USD pada 30 September 2019.

Ekonomi Malaysia mengalami kemerosotan dengan data Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku kedua tahun kalendar 2020 menunjukkan penguncupan sebanyak -17.1% berbanding 0.7% pada suku pertama 2020. Penurunan ketara ekonomi Malaysia pada suku tahun kedua 2020 adalah disebabkan kesan langkah-langkah pencegahan penyebaran wabak COVID-19 di seluruh dunia termasuk Malaysia.

Perlaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 di Malaysia telah menjejaskan aktiviti ekonomi negara. Mengikut sektor, indeks sektor perkhidmatan dan pembuatan, masing-masing telah mencatatkan penurunan sebanyak -16.2% dan -18.3% pada suku kedua berbanding pertumbuhan sebanyak 3.1% dan 1.5% pada suku pertama 2020, manakala indeks sektor pembinaan dan perlombongan, masing-masing telah mencatat penguncupan sebanyak -44.5% dan -20.0% berbanding -7.9% dan -2.0% pada suku pertama 2020. Walau bagaimanapun, indeks sektor perladangan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.0% berbanding penurunan sebanyak -8.7% pada suku pertama 2020.

3.5 ULASAN PASARAN WANG, SEKURITI BERPENDAPATAN TETAP DAN KADAR KEUNTUNGAN

Sepanjang tahun kewangan berakhir 30 September 2020, Jawatankuasa Dasar Kewangan (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia telah menurunkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 125 mata asas iaitu daripada 3.00% kepada 1.75%. Langkah ini diambil bagi memberikan rangsangan dasar tambahan pemulihan ekonomi berikutan risiko penurunan kadar pertumbuhan ekonomi akibat impak penularan wabak Covid-19. Sehubungan dengan itu, kadar 12-bulan deposit tetap Islam oleh Maybank telah turun daripada 3.10% kepada kadar 1.85% dalam tempoh yang sama.

Kadar hasil MGS 3-tahun, 5-tahun dan 10-tahun telah ditutup lebih rendah pada 1.99%, 2.25% dan 2.66%, masing-masing jatuh sebanyak 112, 98 dan 64 mata asas bagi tempoh tersebut. Sementara itu, kadar hasil sekuriti bon korporat bertaraf AA dan AAA berjangka 3 sehingga 10 tahun telah mencatatkan penurunan kadar hasil antara 58 hingga 84 mata asas. Penurunan kadar ini antaranya disokong oleh pelarasan kadar dasar semalaman dan sejajar dengan jangkaan pelonggaran dasar monetari berikutan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi.

3.6 STRATEGI PELABURAN PADA MASA HADAPAN

Pengurus pelaburan ASM 3 menjangkakan persekitaran pasaran yang sangat mencabar bagi pasaran modal domestik dan global bagi tempoh tahun kewangan berakhir 30 September 2021. Di pasaran tempatan, kekurangan pemangkin baharu dan ketidaktentuan politik mungkin akan mengekang sebarang peningkatan. Penularan wabak COVID-19 juga dijangka akan berterusan dan akan mengakibatkan kemelesetan ekonomi global berikutan penyusutan aktiviti dan permintaan perdagangan. Faktor luaran lain seperti ketegangan perhubungan perdagangan antara Amerika Syarikat dan China yang berlanjutan turut dijangka akan memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi domestik dan global.

Walau bagaimanapun, kajian dan potensi penghasilan vaksin COVID-19 oleh firma farmaseutikal dunia dan ketersediaan vaksin untuk kegunaan umum dijangka dapat mempercepatkan kadar pemulihan ekonomi dunia. Oleh itu, walaupun strategi pelaburan ASM 3 masih memberikan fokus yang lebih kepada ekuiti, perumpukan aset ekuiti akan dilakukan secara aktif dan selektif dalam persekitaran kemeruapan pasaran. Strategi pelaburan akan sentiasa dikaji semula secara berkala mengikut keperluan semasa bagi memastikan pulangan ASM 3 kekal kompetitif berbanding penanda aras.

i. Ekuiti Domestik

Pelaburan di dalam ekuiti domestik akan dilakukan secara selektif, berdasarkan analisa yang telah dibuat ke atas syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bagi mengenal pasti saham syarikat-syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang kukuh dan diniagakan di bawah harga wajar.

Tumpuan diberikan kepada sektor-sektor yang mampu memberikan pulangan yang lebih baik daripada penanda aras, sejajar dengan risiko pasaran yang diambil. Antara sektor yang dijangka mempunyai wajaran yang tinggi di dalam portfolio adalah sektor perladangan berdasarkan jangkaan pengukuhan harga minyak sawit mentah dan juga saham berkaitan penjagaan kesihatan yang mungkin sekali lagi mendapat tumpuan sejajar peningkatan kes COVID-19 di seluruh dunia.

ii. Ekuiti Antarabangsa

ASM 3 juga akan terus melabur di dalam pasaran ekuiti antarabangsa yang akan dilaksanakan secara berhemah dan berperingkat mengikut kesesuaian keadaan ekonomi global dan matawang asing. Perumpukan aset ASM 3 berdasarkan geografi akan ditentukan setelah membuat pertimbangan mengenai aliran geopolitik dan dagangan sedunia. Pelaburan antarabangsa akan tertumpu kepada sektor-sektor yang mempunyai prospek perniagaan yang cerah dan kadar pertumbuhan pendapatan yang baik seperti kepenggunaan, kesihatan dan teknologi maklumat terutamanya segmen perisian dan e-dagang.

iii. Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Wang Tunai

Untuk mempelbagaikan aset dalam portfolio, Pengurus ASM 3 akan terus melabur di dalam sekuriti berpendapatan tetap dan pasaran wang. Pelaburan akan lebih tertumpu pada bon Kerajaan Malaysia dan bon korporat bagi menjana pulangan dana dalam bentuk kupon dan keuntungan modal.

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap akan dibuat dengan pemilihan instrumen-instrumen yang bermutu dan mengambil kira faktor-faktor seperti perolehan, kecairan, tempoh matang dan juga kupon yang berpatutan dengan risiko yang ditanggung oleh ASM 3. Di samping itu, pelaburan pasaran wang akan diteruskan bagi menyediakan mudah tunai untuk memudahkan pergerakan portfolio pelaburan antara pasaran saham tempatan, antarabangsa dan lain-lain instrumen pasaran modal pada masa yang bersesuaian seiring dengan perumpukan aset aktif.

Bagi mengekalkan modal pelaburan pemegang unit serta pulangan jangka panjang yang kompetitif, Pengurus ASM 3 akan sentiasa proaktif dalam mengkaji semula strategi pelaburan secara berkala dengan mengambil kira keperluan semasa, keadaan ekonomi serta persekitaran pelaburan yang sentiasa berubah-ubah. Di samping itu, Pengurus ASM 3 akan sentiasa mengambil peluang untuk menjual saham-saham yang sudah mencapai nilai penuh pada tahap pasaran yang menguntungkan serta mengambil strategi taktikal dalam keadaan pasaran saham yang turun naik untuk mengaut keuntungan jual beli saham.

4. PENYATA PENGURUS

Kepada Pemegang-Pemegang Unit

AMANAH SAHAM MALAYSIA 3

Kami, sebagai Pengarah kepada AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, iaitu Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 ("Unit Amanah"), dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, penyata kewangan bagi Unit Amanah pada tahun kewangan berakhir 30 September 2020, berserta dengan nota-nota yang dikepilkan padanya telah disediakan dengan wajar menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia yang telah diubahsuai mengikut preskripsi khusus yang telah diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia seperti yang dinyatakan pada nota 2 laporan penyata kewangan dan Garis Panduan Tabung Unit Amanah Suruhanjaya Sekuriti berkenaan di Malaysia, setelah mengambil kira pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Unit Amanah pada 30 September 2020, dan keputusan serta aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD selaku Pengurus kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 3, menurut resolusi para Pengarah bertarikh 22 Oktober 2020.

TAN SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ

Pengerusi

AHMAD ZULQARNAIN BIN CHE ON

Pengarah

Kuala Lumpur, Malaysia

22 Oktober 2020

5. PENYATAAN PEMEGANG AMANAH

Kepada Para Pemegang Unit

AMANAH SAHAM MALAYSIA 3

Kami, AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD telah bertindak selaku Pemegang Amanah kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020. Pada pendapat kami, AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus, telah melaksanakan dan mengurus AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 selaras dengan had-had kuasa pelaburan yang diberikan kepada Pengurus mengikut Surat Ikatan, undang-undang sekuriti dan Garispanduan Tabung Unit Amanah yang diterima pakai, dengan mengambil kira segala pengecualian yang telah diberikan kepada AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020.

Kami juga berpendapat bahawa:

- (a) Penilaian dan penentuan harga dibuat selaras dengan Surat Ikatan dan mana-mana kehendak kawalseliaan; dan
- (b) Penjadian dan perlucutan unit dilaksanakan adalah selaras dengan Surat Ikatan dan lain-lain peruntukan undang-undang berkaitan; dan
- (c) Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 sepertimana yang diisytiharkan oleh Pengurus adalah sesuai dan selaras dengan objektif pelaburan AMANAH SAHAM MALAYSIA 3.

Yang benar,

AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD

ZAINUDIN BIN SUHAIMI

Ketua Pegawai Eksekutif

Kuala Lumpur, Malaysia

22 Oktober 2020

6. LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT ASM 3

Pendapat

Ringkasan penyata kewangan, yang merangkumi penyata untung atau rugi, penyata pendapatan komprehensif dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada 30 September 2020, dan nota-nota yang berkaitan, berasal dari penyata kewangan yang diaudit AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 untuk tahun kewangan berakhir 30 September 2020.

Pada pendapat kami, ringkasan penyata kewangan yang disertakan adalah konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit, sesuai dengan keperluan pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC untuk pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia.

Ringkasan penyata kewangan

Ringkasan penyata kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti yang diubah oleh spesifikasi yang dikeluarkan oleh SC ("Spesifikasi SC") seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 pada ringkasan penyata kewangan dan Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia. Oleh itu, bacaan ringkasan penyata kewangan dan laporan juruaudit di atasnya bukanlah pengganti untuk penyata kewangan AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 yang diaudit dan laporan juruaudit di atasnya.

Penyata kewangan yang diaudit dan laporan kami di atasnya

Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubah suai mengenai penyata kewangan yang diaudit dalam laporan kami bertarikh 22 Oktober 2020.

Tanggungjawab Pengurus dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pengurus bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan penyata kewangan bersesuaian dengan syarat pembentangan dan pendedahan seperti yang ditetapkan oleh SC dan pengecualian yang dikeluarkan oleh SC mengenai pendedahan maklumat tertentu menurut Perenggan 12.06 Garis Panduan SC tentang Dana Unit Amanah di Malaysia.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat samaada ringkasan penyata kewangan konsisten, dalam semua aspek penting, dengan penyata kewangan yang diaudit berdasarkan prosedur kami, yang dijalankan sesuai dengan Piawaian Pengauditan yang Disetujui Malaysia (ISA) 810 (Disemak semula), "Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan".

Sekatan penggunaan

Laporan kami mengenai ringkasan penyata kewangan AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 untuk tahun kewangan berakhir pada 30 September 2020 dikeluarkan dengan mematuhi Garis Panduan SC mengenai Dana Unit Amanah di Malaysia dan tanpa tujuan lain.

Ernst & Young PLT

202006000003

(LLP0022760-LCA) & AF 0039

Akauntan Bertauliah

Muhammad Syarizal bin Abdul Rahim

No. 03157/01/2021 (J)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

22 Oktober 2020

7. PENYATA KEWANGAN

7.1 PENYATA UNTUNG ATAU RUGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
PENDAPATAN			
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan		81,985,090	109,345,930
Pendapatan daripada PNB	5	250,588,028	350,400,403
Pendapatan dividen		341,006,568	384,411,379
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan		66,967,373	47,934,809
Kerugian bersih kadar tukaran asing		(7,909,834)	(5,722,179)
		<u>732,637,225</u>	<u>886,370,342</u>
PERBELANJAAN			
Yuran pengurusan	6	147,348,456	137,621,999
Yuran pemegang amanah	7	800,000	800,000
Ganjaran juruaudit		25,500	25,500
Yuran ejen cukai		5,100	3,700
Perbelanjaan pentadbiran		17,414,972	16,533,812
Rosol nilai dalam pelaburan disebut harga		16,018,333	-
		<u>181,612,361</u>	<u>154,985,011</u>
PENDAPATAN BERSIH SEBELUM CUKAI		551,024,864	731,385,331
CUKAI	8	-	-
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		<u>551,024,864</u>	<u>731,385,331</u>
Pengagihan pelaburan	9	<u>567,793,214</u>	<u>670,483,134</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit		<u>4.00 sen</u>	<u>5.00 sen</u>
Tarikh pengagihan		<u>1 Oktober 2020</u>	<u>1 Oktober 2019</u>
Pendapatan bersih selepas cukai terdiri daripada berikut:			
Ternyata		554,208,302	727,498,981
Tidak ternyata		(3,183,438)	3,886,350
		<u>551,024,864</u>	<u>731,385,331</u>

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

**7.2 PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2020**

	Nota	2020 RM	2019 RM
PENDAPATAN BERSIH SELEPAS CUKAI		551,024,864	731,385,331
Lain-lain pendapatan komprehensif		-	-
JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF UNTUK TAHUN KEWANGAN		551,024,864	731,385,331
Jumlah pendapatan komprehensif terdiri daripada berikut:			
Ternyata		554,208,302	727,498,981
Tidak ternyata		(3,183,438)	3,886,350
		551,024,864	731,385,331

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.3 PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2020

	2020 RM	2019 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI DAN PELABURAN		
Perolehan daripada penjualan pelaburan	1,618,577,741	4,714,536,940
Pembelian pelaburan	(2,365,134,225)	(6,455,509,632)
Pengeluaran dari deposit dan instrumen kewangan	-	859,601,373
Simpanan dalam deposit dan instrumen kewangan	(35,000,000)	-
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	346,312,210	468,961,949
Pendapatan dividen diterima	374,863,912	366,377,267
Pembayaran yuran pengurusan	(146,813,193)	(136,829,183)
Pembayaran yuran pemegang amanah	(800,000)	(800,000)
Pembayaran lain-lain perbelanjaan	(18,039,950)	(16,620,443)
Cukai dikembalikan	-	27,661,387
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi dan pelaburan	(226,033,505)	(172,620,342)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Tunai diterima daripada penjadian unit	746,900,000	899,000,000
Pengagihan dibayar	(670,483,134)	(749,617,300)
Tunai dibayar untuk pembatalan unit	(95,000,000)	-
Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan dalam aktiviti pembiayaan	(18,583,134)	149,382,700
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		
PERBEZAAN TUKARAN MATAWANG	(244,616,639)	(23,237,642)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	(7,909,834)	(5,722,179)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	1,542,960,346	1,571,920,167
	1,290,433,873	1,542,960,346
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:		
Tunai di bank	145,329,765	367,703,476
Deposit dengan institusi kewangan	1,180,104,108	1,175,256,870
	1,325,433,873	1,542,960,346
Tolak:-	-	-
Deposit dengan tempoh matang lebih daripada 3 bulan	(35,000,000)	-
	1,290,433,873	1,542,960,346

Polisi perakaunan dan nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

7.4 NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN – 30 SEPTEMBER 2020

1. UNIT AMANAH, PENGURUS DAN KEGIATAN-KEGIATAN UTAMA

AMANAH SAHAM MALAYSIA 3 ("Unit Amanah") ditubuhkan selaras dengan pelaksanaan Surat Ikatan bertarikh 25 Jun 2009, di antara Pengurus, Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB"), Pemegang Amanah, AmanahRaya Trustees Berhad serta Pemegang Unit Berdaftar Unit Amanah.

Kegiatan utama Unit Amanah ialah melabur dalam "Pelaburan Dibenarkan" seperti yang didefinisikan di bawah Jadual Ketujuh Surat Ikatan. "Pelaburan Dibenarkan" termasuk pelaburan jangka pendek dan ekuiti, saham atau debentur syarikat yang disenaraikan di mana-mana bursa saham atau mana-mana syarikat yang disyorkan oleh Pengurus dan dipersetujui oleh Pemegang Amanah. Unit Amanah ini mula beroperasi pada 5 Ogos 2009, dan akan meneruskan operasinya sehingga ditamatkan oleh Pemegang Amanah seperti yang diperuntukkan di bawah Bahagian 12 Surat Ikatan.

ASNB adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan dimiliki sepenuhnya oleh Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). Kegiatan utama ASNB ialah mengurus unit amarah.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Kegiatan utama Syarikat ialah membeli dan memegang saham untuk meningkatkan hak milik pegangan modal saham oleh masyarakat Bumiputera di dalam sektor korporat di Malaysia. PNB telah dilantik sebagai Pengurus Pelaburan bagi Unit Amanah di bawah Perjanjian Pengurusan Pelaburan bertarikh 29 Julai 2009.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah ASNB untuk diterbitkan menurut resolusi para Pengarah pada 22 Oktober 2020.

2. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut rangka kerja Perangkaan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS") yang diubahsuai mengikut spesifikasi khusus yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Garispanduan Tabung Amanah Suruhanjaya Sekuriti di Malaysia.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengeluarkan spesifikasi khusus di mana PNB dan unit amarah berharga tetap yang diuruskan oleh PNB dikecualikan daripada tetapi dibenarkan untuk menggunakan MFRS 9 Financial Instruments: Recognition and Measurement ("MFRS 9") dan MFRS 7 Financial Instruments: Disclosures ("MFRS 7"). Berdasarkan spesifikasi diberikan, Unit Amanah telah memilih untuk tidak menggunakan MFRS 9 dalam perakaunan bagi instrumen kewangan dan MFRS 7 bagi tujuan pendedahan yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Dasar Unit Amanah bagi perakaunan bagi instrumen kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (a).

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah.

(a) Perubahan dalam polisi perakaunan

Entiti dengan tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 September 2019 adalah tertakluk kepada MFRSs yang baru dan telah disemak semula tanpa memberi kesan kepada penyata kewangan Amanah.

(b) Piawaian yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, Pindaan dan Tafsiran Jawatankuasa Isu-isu ("IC") yang telah diterbitkan oleh Malaysian Accounting Standards Board ("MASB") tetapi belum berkuatkuasa pada tarikh kelulusan penyata kewangan ini adalah tidak berkaitan dengan Unit Amanah.

3. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Instrumen Kewangan

Aset dan liabiliti kewangan di dalam penyata kedudukan kewangan, merangkumi sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga, skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan, saham disebut harga, saham tidak disebut harga, instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, manfaat, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset, dilaporkan sebagai pendapatan.

(b) Pelaburan

(i) Sekuriti Berpendapatan Tetap dan Sekuriti Hutang Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam sekuriti berpendapatan tetap dan sekuriti hutang tidak disebut harga adalah sekuriti yang dibeli dan dipegang untuk pendapatan atau peningkatan nilai dan kebiasaannya dipegang hingga tarikh matang. Pelaburan ini dinyatakan pada kos dan di mana berkenaan, diselaraskan untuk pelunasan premium atau akreasi diskaun, yang dikira daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

(ii) Saham Disebut Harga, Saham Tidak Disebut Harga, Saham Pinjaman/Waran, Pelaburan Amanah Hartanah ("REITs") dan Skim Pelaburan Kolektif Tidak Disebut Harga

Pelaburan dalam saham disebut harga, saham pinjaman/waran, REITs dan skim pelaburan kolektif tidak disenaraikan dinyatakan pada kos tolak peruntukan rosot nilai yang kekal. Kos ditentukan berdasarkan asas purata wajar. Peruntukan rosot nilai yang kekal akan diiktirafkan di dalam penyata untung atau rugi.

Termasuk dalam pelaburan disebut harga dan tidak disebut harga adalah syarikat-syarikat di mana Unit Amanah memegang lebih dari 20% tetapi tidak melebihi 50% kepentingan ekuiti. Unit Amanah tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap syarikat pelaburannya kerana Unit Amanah tidak (i) mempunyai perwakilan dalam lembaga pengarah entiti ini; dan (ii) mengambil bahagian dalam proses pembuatan dasar mereka. Sebagai tambahan, Unit Amanah tidak terlibat dalam pembuatan keputusan untuk tujuan menggunakan hak suara dalam mesyuarat agung entiti-entiti ini.

(iii) Deposit dengan Institusi Kewangan

Deposit dengan institusi kewangan dinyatakan pada kos.

(c) Jumlah Terhutang daripada/(kepada) Broker Saham

Jumlah terhutang daripada/(kepada) broker saham dibawa pada nilai kontrak.

(d) Pendapatan Belum Terima

Pendapatan belum terima dinyatakan pada nilai saksama yang boleh diperolehi.

(e) Pelbagai Pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada nilai kos iaitu nilai saksama yang akan dibayar di masa hadapan untuk pembelian dan perkhidmatan yang diterima.

(f) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dividen kasar daripada pelaburan disebut harga dan sekiranya pelaburan kolektif tidak tersenarai diambil kira mengikut asas pengisytiharan, apabila hak untuk menerima dividen telah dipastikan.

Keuntungan/pendapatan daripada instrumen pasaran kewangan, simpanan dengan institusi kewangan diambil kira mengikut asas akrual menggunakan kaedah kadar faedah keuntungan efektif.

Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan diambil kira berdasarkan perbezaan di antara pendapatan bersih dengan nilai dibawa oleh pelaburan tersebut.

(g) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan pelaporan

Perkara berkaitan mata wang asing yang terkandung di dalam penyata kewangan Unit Amanah adalah diukur dengan menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana Unit Amanah beroperasi ("mata wang fungsian"). Disebabkan itu, penyata kewangan Unit Amanah disediakan dalam RM iaitu mata wang fungsian dan presentasi Unit Amanah.

Pengurus telah membuat pertimbangan yang teliti bagi menentukan mata wang fungsian yang menggambarkan kesan ekonomi sewajarnya terhadap transaksi asas berdasarkan keadaan dan peristiwa, telah menentukan RM sebagai mata wang fungsian terutamanya disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- (i) Unit-unit bagi Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (ii) Sebahagian besar perbelanjaan Unit Amanah didenominasi dalam RM.
- (iii) Sebahagian besar NAB Unit Amanah dilaburkan di dalam pelaburan yang didenominasi dalam RM.

Transaksi dan imbalan

Transaksi mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian dengan menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh transaksi atau valuasi di mana urusniaga akan dinilai semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing terhasil dari penyelesaian sesuatu transaksi dan dari perubahan kadar tukaran bagi aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun diiktiraf di dalam Penyata Untung atau Rugi.

Transaksi bukan kewangan pada nilai saksama yang didenominasi dalam mata wang asing ditukarkan pada kadar semasa pada tarikh nilai saksama ditentukan. Transaksi bukan kewangan yang diukur dari segi kos sejarah dalam mata asing tidak ditukarkan. Perbezaan tukaran yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan pada nilai saksama dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian bagi tempoh tersebut kecuali perbezaan yang timbul daripada penukaran transaksi bukan kewangan yang mana keuntungan dan kerugian diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada transaksi bukan kewangan juga diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

(h) Tunai dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, simpanan dalam panggilan dan simpanan jangka pendek berkecairan tinggi di mana risiko dalam perubahan nilai adalah tidak ketara.

4. ANGGARAN DAN PENILAIAN PERAKAUNAN PENTING

(a) Penilaian Kritikal Dibuat dalam Mengaplikasi Polisi Perakaunan

Penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan dalam proses mengaplikasi polisi perakaunan unit Amanah berkaitan pelaburan adalah seperti berikut:

- (i) Pengurus pelaburan mengenalpasti samada pelaburan-pelaburannya adalah dirosot nilai mengikut beberapa indikasi-indikasi rosot nilai seperti, antara lain, kekurangan yang berpanjangan di antara harga pasaran dan jumlah yang dibawa, perubahan yang penting dengan kesan-kesan negatif terhadap pelaburan dan persembahan kewangan pelaburan merosot.
- (ii) Bergantung kepada asas dan industri yang berkaitan dengan pelaburan tersebut, penilaian dibuat oleh Pengurus Pelaburan untuk memilih cara-cara penilaian yang sesuai seperti, antara lain, aliran tunai yang didiskaunkan, aset nyata bersih, nilai aset ternyata bersih dan cara-cara purata nisbah harga pendapat sektor.

(b) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Setelah cara penilaian yang sesuai dipilih, Pengurus Pelaburan membuat beberapa andaian berkenaan masa depan bagi menganggar jumlah pelaburan yang boleh dituntut. Andaian ini dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh penyata aset dan liabiliti, mungkin mengandungi risiko penting yang mengakibatkan perubahan yang material terhadap jumlah pelaburan yang dibawa ke tahun kewangan seterusnya, bergantung kepada pelaburan-pelaburan tertentu, andaian yang dibuat oleh Pengurus Pelaburan termasuk, antara lain, andaian terhadap aliran tunai masa hadapan yang dijangka, pertumbuhan pendapatan, kadar diskaun yang digunakan bagi tujuan aliran tunai yang didiskaunkan yang mana melibatkan risiko-risiko yang relevan, dan keputusan masa hadapan yang dijangka terhadap beberapa peristiwa lepas.

Sensitiviti terhadap perubahan dalam andaian

Pengurus Pelaburan percaya bahawa tiada kemungkinan perubahan dalam kunci andaian yang disebutkan di atas yang mana boleh menyebabkan jumlah pelaburan yang di bawa secara materialnya melebihi jumlah yang boleh dituntut.

(c) Penilaian Rosot Nilai

Penilaian rosot nilai pelaburan-pelaburan yang terlibat dengan indikasi-indikasi rosot nilai telah dilaksanakan oleh Pengurus Pelaburan. Pada tahun semasa, pengiktirafan rosot nilai pelaburan direkodkan sebanyak RM 16,018,333 (2019: Tiada).

COVID-19 telah diisytiharkan sebagai wabak oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada bulan Mac 2020. Wabak ini dan tindakan kerajaan Malaysia serta kerajaan-kerajaan di dunia bagi menangani wabak ini telah memberi kesan negatif kepada aktiviti-aktiviti komuniti, ekonomi dan operasi perniagaan. Oleh kerana wabak ini masih berkembang, adalah sangat sukar bagi meramalkan sejauh mana jangka masa dan kesannya terhadap perniagaan dan ekonomi, tempatan mahupun global. Walau bagaimanapun, pasaran kewangan terus menyaksikan peningkatan gelombang turun naik, ditambah dengan kejatuhan harga minyak yang drastik.

Pengurus telah memastikan bahawa tinjauan penurunan nilai pelaburan Amanah adalah berdasarkan maklumat yang munasabah dan boleh disokong. Ini termasuk mencerminkan bahawa kesan kejutan wabak ini adalah bersifat sementara dan juga mengambil kira langkah-langkah sokongan ekonomi dan kewangan yang telah diumumkan oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan lain di seluruh dunia untuk mengurangkan kesan COVID-19 kepada perniagaan dan ekonomi. Pengurus juga telah berusaha untuk menyesuaikan strategi pelaburannya dengan mempelbagaikan portfolio Amanah dan melabur dalam kelas aset baru, baik di pasaran kewangan tempatan dan antarabangsa bagi menangani persekitaran operasi yang semakin mencabar.

5. PENDAPATAN DARIPADA PNB

Dalam tempoh semasa, PNB telah memberikan beberapa pelaburan di dalam ekuiti disebut harga di Malaysia sebanyak RM250,588,028 (2019: RM350,400,403) sebagai sebahagian daripada rancangan penyusunan semula portfolio pelaburan Unit Amanah.

6. YURAN PENGURUS

Klausula 13.1, Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pengurus berhak menerima yuran tidak melebihi 1.5% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, dikira dan diakru secara harian seperti yang dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah.

Yuran Pengurus dikenakan bagi tahun berakhir 30 September 2020 sebanyak 1.00% (2019: 1.00%) daripada NAB Unit Amanah.

7. YURAN PEMEGANG AMANAH

Klausula 13.2 Surat Ikatan memperuntukkan bahawa Pemegang Amanah berhak menerima yuran sehingga 0.08% setahun daripada Nilai Aset Bersih pada kos ("NAB") boleh agih kepada pemegang-pemegang Unit Amanah, tertakluk kepada minimum RM 18,000 setahun, dikira dan diakru secara harian dari masa ke semasa.

Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 30 September 2020 ditetapkan pada RM800,000 (2019: RM800,000).

8. CUKAI

Unit Amanah telah diberikan pengecualian daripada cukai pendapatan oleh Menteri Kewangan mengikut bidanguasa yang diberikan kepadanya di bawah Seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967, sehingga tahun taksiran 2026.

Disebabkan oleh pengecualian cukai, pendapatan dividen yang diperolehi daripada REITs akan dibayar semula oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

9. PERUNTUKAN PENGAGIHAN

	2020 RM	2019 RM
Peruntukan pengagihan	567,793,214	670,483,134

Peruntukan tersebut merupakan pengagihan yang disyorkan pada tahun berakhir 30 September 2020 sebanyak 4.00 sen (2019: 5.00 sen) seunit yang akan diagihkan kepada pemegang-pemegang unit. Pengagihan ini dikira berdasarkan jumlah unit minima bulanan yang dipegang oleh pemegang-pemegang unit dalam tempoh dua belas bulan sebelum tarikh tahun kewangan berakhir.

Sumber Pengagihan

Pengagihan kepada pemegang-pemegang unit adalah daripada sumber-sumber berikut:

	2020 RM	2019 RM
Pendapatan dari instrumen pasaran kewangan, sekuriti berpendapatan tetap dan lain-lain pendapatan	81,985,090	109,345,930
Pendapatan daripada PNB	250,588,028	350,400,403
Pendapatan dividen	341,006,568	375,330,341
Keuntungan ternyata daripada jualan pelaburan	66,967,373	-
Kerugian bersih ternyata kadar tukaran asing	(4,726,397)	(9,608,529)
	<u>735,820,662</u>	<u>825,468,145</u>
Keuntungan ternyata daripada tahun-tahun sebelumnya	13,584,913	-
	<u>749,405,575</u>	<u>825,468,145</u>
Tolak: Perbelanjaan	(181,612,361)	(154,985,011)
Jumlah pengagihan	<u>567,793,214</u>	<u>670,483,134</u>
Pengagihan kasar dan bersih seunit	4.00 sen	5.00 sen

10. MODAL PEMEGANG UNIT

	2020 Unit	RM	2019 Unit	RM
Unit RM1 setiap satu dibayar penuh:				
Pada awal tahun	<u>13,692,200,000</u>	<u>13,692,200,000</u>	<u>12,763,200,000</u>	<u>12,763,200,000</u>
Penjadian unit untuk:				
Jualan	80,000,000	80,000,000	210,000,000	210,000,000
Pelaburan semula				
pengagihan	636,900,000	636,900,000	719,000,000	719,000,000
Pembatalan unit	(95,000,000)	(95,000,000)	-	-
Pada akhir tahun	<u>14,314,100,000</u>	<u>14,314,100,000</u>	<u>13,692,200,000</u>	<u>13,692,200,000</u>

Sepanjang tahun berakhir 30 September 2020, Pengurus tidak memegang sebarang unit di dalam Unit Amanah. Pada 30 September 2020, PNB secara sah memegang 56,112,246 (2019: 35,147,385) unit, merangkumi 0.39% (2019: 0.26%) daripada jumlah unit yang telah diterbitkan.

11. URUS NIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM / BROKER / DEALER / INSTITUSI KEWANGAN

Sepuluh syarikat broker saham/broker/dealer terbesar mengikut nilai urus niaga ialah seperti berikut:

Syarikat Broker	Nilai Urus Niaga		Yuran Broker	
	RM	%	RM	%
Hong Leong Bank Bhd *	616,041,997	26.68	-	-
Malayan Banking Berhad *	495,684,073	21.47	-	-
Standard Chartered Bank Bhd	229,084,467	9.92	-	-
MIDF Amanah Investment Bank Berhad **	104,740,629	4.54	24,447	4.06
Maybank Investment Bank Berhad**	98,621,438	4.27	74,538	12.36
AmBank Berhad **	75,415,663	3.27		
CIMB Islamic Berhad **	66,715,449	2.89	-	-
CGS-CIMB Securities Sdn Bhd**	62,295,736	2.70	78,577	13.03
Amlslamic Bank Berhad **	54,326,899	2.35	-	-
CIMB Bank Berhad **	51,304,200	2.22	-	-
Lain-lain	454,417,900	19.69	425,278	70.55
	2,308,648,451	100.00	602,840	100.00

ASNB dan PNB tidak mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker saham tersebut.

* PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat-syarikat broker berkenaan.

** PNB dan/atau tabung unit amanah di bawah pengurusan ASNB mempunyai pegangan ekuiti secara langsung di dalam syarikat induk terakhir bagi syarikat-syarikat broker berkenaan.

Segala urusan dengan syarikat-syarikat broker saham telah dilaksanakan menurut perjalanan biasa berdasarkan syarat-syarat di dalam industri broker saham.

12. PUSING GANTI PORTFOLIO

	2020	2019
Pusing Ganti Portfolio ("PGP")	0.39 kali	0.55 kali

PGP dikira berdasarkan kepada nisbah purata di antara jumlah kos pembelian dan penjualan pelaburan untuk tahun kewangan, dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan PGP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

13. NISBAH PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2020	2019
Nisbah Perbelanjaan Pengurusan ("NPP")	1.13%	1.16%

NPP dikira berdasarkan nisbah di antara jumlah bayaran pengurusan dan perbelanjaan Unit Amanah yang dikembalikan dengan purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan dikira berpandukan asas harian.

Purata nilai Unit Amanah untuk tahun kewangan telah dikira pada kos kerana harga belian dan harga jualan telah ditetapkan pada RM1.00 seunit. Oleh kerana purata nilai Unit Amanah dikira berasaskan kos, perbandingan NPP Unit Amanah dengan unit amanah lain yang menggunakan asas yang berlainan tidak akan memberi perbandingan yang tepat.

14. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pendedahan kepada risiko ekuiti/pelaburan, risiko pasaran, kecairan/pembiayaan dana, kadar pendapatan dan kredit, timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

Risiko Ekuiti/Pelaburan

Risiko ekuiti adalah pendedahan kepada perubahan nilai saham ekuiti atau aliran pendapatan yang datangnya daripada pemilikan ekuiti di dalam sebuah entiti yang diperbadankan.

Risiko pelaburan adalah risiko daripada pelaburan yang tidak dapat menyediakan kadar pulangan yang setara dengan tahap risikonya.

Pengurusan risiko ekuiti/pelaburan termasuk penelitian di dalam penapisan cadangan pelaburan menurut garis panduan dan prosedur pelaburan, komunikasi yang berterusan dan pengawasan prestasi syarikat-syarikat yang dilabur yang teliti.

Risiko Pasaran

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah akibat ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan.

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan pelbagaian. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Risiko Kecairan / Pembiayaan Dana

Risiko kecairan atau pembiayaan dana adalah risiko apabila Unit Amanah tidak mampu untuk memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan.

Unit Amanah menguruskan aliran tunai operasi bagi memastikan kesemua keperluan dananya dipenuhi sebagai sebahagian daripada kaedah pengurusan dananya, Unit Amanah mengekalkan tahap tunai dan pelaburan yang boleh ditukar kepada tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerjanya.

Risiko Kadar Pendapatan

Risiko kadar pendapatan adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar pendapatan yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar pendapatan pasaran.

Unit Amanah menguruskan risiko kadar pendapatan secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan, dan semakan yang kerap ke atas kadar pendapatan dan jangkaan pasaran.

Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko dimana kegagalan dari pihak yang berurusan untuk menunaikan kewajipan perdagangan yang muncul daripada perantara-perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan penetapan polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari semasa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

15. LAPORAN BERSEGMENT

Unit Amanah diuruskan secara satu bahagian iaitu pelaburan di dalam pelbagai instrumen kewangan. Aktiviti-aktiviti Unit Amanah adalah berhubung-kait dan setiap aktiviti adalah berkaitan dengan satu sama lain. Justeru, semua keputusan penting operasi adalah berdasarkan satu strategi pelaburan yang diintegrasikan dan prestasi Unit Amanah dinilai secara keseluruhan.

16. MATA WANG

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia ("RM").

8. ALAMAT CAWANGAN ASNB

KUALA LUMPUR	PUTRAJAYA
Amanah Saham Nasional Berhad Kaunter Utama ASNB Tingkat 1, Balai PNB 201-A, Jalan Tun Razak 50400 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 27, Kompleks Perbadanan Putrajaya Presint 3, Persiaran Perdana 62675 Putrajaya Wilayah Persekutuan Putrajaya
SELANGOR	
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 18-1 & 18-2 Pusat Dagangan UMNO Shah Alam Persiaran Damai Seksyen 11 40000 Shah Alam Selangor	Amanah Saham Nasional Berhad No.7 Jalan Medan Niaga 2 Medan Niaga Kuala Selangor 45000 Kuala Selangor Selangor
Amanah Saham Nasional Berhad (UTC Selangor) Lot, 2-17(A), Tingkat 2, Anggerik, Mall, No 5, Jalan 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor	
MELAKA	NEGERI SEMBILAN
Amanah Saham Nasional Berhad No. 11 & 13, Kompleks Perniagaan Al Azim Jalan KPAA 1, Bukit Baru 75150 Melaka	Amanah Saham Nasional Berhad No. 120 & 121, Jalan Dato' Bandar Tunggal, 70000 Seremban , Negeri Sembilan
JOHOR	
Amanah Saham Nasional Berhad No.12 Jalan Maju Taman Maju 83000 Batu Pahat Johor	Amanah Saham Nasional Berhad Lot No 12 & 14, Jalan Padi Emas 1/2 Uda Business Centre 81200 Johor Bahru Johor
Amanah Saham Nasional Berhad No.6 dan 7, Jalan Muhibbah Taman Muhibbah, 85000 Segamat , Johor	
PERAK	
Amanah Saham Nasional Berhad No. 8 & 8A, Persiaran Greentown 1, Greentown Business Centre, 30450 Ipoh , Perak	Amanah Saham Nasional Berhad No. 273, Jalan Intan 12, Bandar Baru Teluk Intan, 36000 Teluk Intan , Perak
PAHANG	
Amanah Saham Nasional Berhad No. 71 & 73, Tingkat Bawah Jalan Tun Ismail 25000 Kuantan , Pahang	Amanah Saham Nasional Berhad No.8, Jalan Ahmad Shah Bandar Seri Semantan 28000 Temerloh , Pahang

PULAU PINANG	
Amanah Saham Nasional Berhad No.12, Jalan Todak 3, Pusat Bandar Seberang Jaya 13700 Seberang Jaya , Pulau Pinang	Amanah Saham Nasional Berhad A-12A-1 dan A-12A-2 Lorong Bayan Indah 4, Bay Avenue 11900 Bayan Lepas , Pulau Pinang
PERLIS	TERENGGANU
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 7, Jalan Indera Kayangan 01000 Kangar , Perlis	Amanah Saham Nasional Berhad No. 15, Jalan Batas Baru, 20300 Kuala Terengganu , Terengganu <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
KEDAH	
Amanah Saham Nasional Berhad 27, Kompleks Shahab Perdana Jalan Sultanah Sambungan 05250 Alor Setar Kedah	Amanah Saham Nasional Berhad No.51 dan 53, Jalan Perdana Heights 2/2, Perdana Heights, 08000 Sungai Petani , Kedah
KELANTAN	
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1182 & 1183, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>	Amanah Saham Nasional Berhad No. 52, 52A & 52B, Jalan Pasir Puteh Sentral 2/5, 16800 Pasir Puteh , Kelantan <i>Ahad - Khamis 8:15am - 4:00pm (Kecuali Cuti Umum)</i>
SABAH	
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah dan Satu, No. A-G-18 & A-1-18, Blok A, Sutera Avenue, Jalan Coastal 88100 Kota Kinabalu , Sabah	Amanah Saham Nasional Berhad TB 4287 & TB 4280 Tingkat Bawah & 1 Town Ext II Jalan Masjid, Kompleks Fajar Tawau 91000 Tawau , Sabah
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah, Lot 1, Circular Blok A Harbour Town, Jalan Pantai, 91100 Lahad Datu , Sabah	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 8 & 9, Blok B, Pusat Komersil Datun, Jalan Masak, 89008 Keningau , Sabah
Amanah Saham Nasional Berhad Lot 15, Tingkat Bawah, Bandar Pasaraya, Fasa I, 90000 Sandakan , Sabah	

SARAWAK	
Amanah Saham Nasional Berhad Tingkat Bawah, Lot 499, Al-Idrus Commercial Centre, Seksyen 6, Jalan Kulas, 93400 Kuching , Sarawak	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 886 & 887, Block 9 MCLD Miri Waterfront Commercial Centre 98000 Miri , Sarawak
Amanah Saham Nasional Berhad Sublot 2 & 3, Lot 4496, Junction 28, Jalan Keppel, 97000 Bintulu , Sarawak	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1457 & 1458 Sg. Kudang Shophouse Ground Floor, Jalan Buangsiol 98700 Limbang , Sarawak
Amanah Saham Nasional Berhad 4C, Ground Floor Lot 832 Jalan Sabu 95000 Sri Aman , Sarawak	Amanah Saham Nasional Berhad Lot 1007 & 1008 Jalan Kampung Nyabor 96000 Sibu , Sarawak

MUKA SURAT INI SENGAJA DIKOSONGKAN

PENGURUS

AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD 197901003200 (47457-V)

Anak syarikat milik penuh:

PERMODALAN NASIONAL BERHAD 197801001190 (38218-X)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 4, Balai PNB

201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur

PUSAT KHIDMAT PELANGGAN ASNB

03-7730 8899

E MEL

asnbcare@pnb.com.my

LAMAN WEB

www.asnb.com.my

PORTAL

www.myasnb.com.my

MyASNB App

PEMEGANG AMANAH

AmanahRaya Trustees Berhad 200701008892 (766894-T)

PEJABAT BERDAFTAR

Tingkat 11, Wisma AmanahRaya

No. 2, Jalan Ampang, 50508 Kuala Lumpur

Telefon: 03-2036 5129/5003

Faks: 03-2072 0320

Emel: art@arb.com.my

LAMAN WEB

www.artrustees.com.my